

Menjejaki Warisan Cempuling Negara Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi

Hazrina Khairuddin

Maziyyah Ibrahim

Jafalizan Md Jali

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Cempuling adalah salah satu permainan muzik tradisional masyarakat Jawa yang kurang mendapat tempat di persada budaya di Malaysia. Lagu-lagu asli Cempuling adalah di dalam tutur bahasa Jawa halus. Manakala bait-bait lirik lagu asli Cempuling berbentuk nasihat, selawat kepada Nabi, puji-pujian kepada Allah, kisah-kisah tauladan dan hukum-hakam Allah kepada setiap perbuatan baik dan jahat. Ia juga memuatkan lagu-lagu yang telah dimodenkan mengikut irama muzik yang terkini dan liriknya telah ditulis di dalam bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui latar belakang, sejarah dan peranan seni Cempuling yang merupakan warisan muzik tradisional masyarakat Jawa. Hasil penemuan kajian ini adalah daripada kaedah wawancara sejarah lisan bersama Encik Abas Bin Shuhadi yang merupakan pemain tetap dan juga pelopor kumpulan Warisan Era Baru seni Cempuling di Bukit Kapar, Klang, Selangor.

Kata Kunci: Cempuling, Warisan, Muzik Tradisional Jawa

Pengenalan

Cempuling atau Cempoling adalah salah satu bentuk hiburan atau seni irama muzik tradisional yang berasal dari Jawa Tengah, Indonesia. Cempuling di Malaysia, telah dimainkan oleh masyarakat Jawa yang masih lagi mengamalkan budaya hidup tradisi mereka. Walaupun seni irama muzik ini agak asing kepada rakyat di Malaysia; namun ia tidak menghalang seni

muzik ini daripada terus dinikmati oleh masyarakat Jawa yang berada di negara ini.

Seni muzik Cempuling di Malaysia, masih kekal segar dan dinikmati oleh masyarakat Jawa khususnya di Kampung Bukit Kapar, Selangor. Masyarakat Jawa di Kampung Bukit Kapar ini mempunyai lebih kurang lima (5) pasukan pemain muzik Cempuling ini. Muzik ini kerap dimainkan sewaktu kenduri kahwin, majlis-majlis rasmi sama ada di peringkat daerah atau di peringkat negeri dan sebagainya. Cempuling lazimnya dimainkan secara berkumpulan yang mengandungi enam (6) hingga dua belas (12) orang ahli muzik termasuk penyanyi.

Setiap bait-bait lirik bagi seni muzik Cempuling mempunyai unsur-unsur nasihat kemanusian, keagamaan dan tauladan kepada para pendengar. Alatan muzik yang digunakan pula adalah seperti gendang, gong, kempal, kempreng dan juga sepasang enteng-enteng. Alat-alat ini bergabung menjadikan satu muzik yang menghasilkan gema bunyi yang berbeza antara satu sama lain dan alunan irama yang merdu.

Dalam proses untuk mendapatkan maklumat mengenai Cempuling, pengertian bagi pemainan seni muzik Cempuling haruslah difahami terlebih dahulu dan diikuti dengan menyelami maksud sebenar seni muzik Cempuling. Kebanyakkan maklumat Cempuling hanya didapati melalui wawancara yang kebanyakannya telah dimuat-turunkan di dalam internet dan masih terdapat ruang-ruang persoalan mengenai latarbelakang, sejarah dan peranan seni muzik Cempuling. Oleh yang demikian, satu inisiatif telah dilaksanakan dengan melakukan kajian untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai seni Cempuling yang kurang mendapat pendedahan berbanding seni muzik tradisional yang lain di Malaysia.

Sejarah dan Perkembangan Seni Muzik Cempuling

Cempuling merupakan satu kumpulan alatan muzik yang hanya menggunakan pukulan untuk menghasilkan pelbagai rentak dan irama. Ia merupakan gabungan tiga suku kata iaitu ‘com-com’ yang bermaksud macam-macam, ‘pul-pul’ pula bermaksud kumpulan-kumpulan dan ‘eling-eling’ bermaksud beringat-ingat. Apabila ianya disatukan, maka jadilah ia

'Cempuling'. Erti sebenar Cempuling ini adalah satu kumpulan seni muzik yang saling ingat-mengingatkan kepada masyarakat di dalam pelbagai hal berkaitan dunia dan akhirat.



Gambar 1: Alat asas muzik Cempuling

Gambar ihsan : <http://khairulannuarzainuddin.blogspot.my/2010/11/bengkel-mengenali-zeni-muzik-cempuling.html>

Tujuan asal permainan Cempuling atau Jamjanin ini adalah untuk menarik minat masyarakat setempat terhadap agama Islam ketika agama Islam mula bertapak di Tanah Jawa yang sememangnya terkenal dengan agama dan kebudayaan Hindu. Setelah pengenalan dan penyebaran agama Islam yang dijalankan secara lisan tidak begitu membawa hasil dan tidak dapat menarik minat masyarakat di sana, dua orang adik beradik; Kiyai Zamzam dan Kiyai Kasnin; telah memperkenalkan seni muzik Cempuling semasa menyampaikan dakwah mereka di Tanah Jawa. Kedua-dua adik beradik ini telah menggunakan unsur-unsur muzik dalam menyampaikan dakwah mereka yang mengandungi kisah-kisah nabi dan ajaran agama Islam.

Peperangan antara Jawa dan Belanda telah menyebabkan beberapa kumpulan imigran dari Tanah Jawa berhijrah di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Tumpuan imigran ini adalah di barat Johor, Selangor dan Perak. Penghijrahan migran Tanah Jawa ini secara tidak langsung telah menyebabkan seni Seni Muzik Cempuling ini juga dimainkan di Tanah Melayu. Imigran Jawa yang tiba di Tanah Melayu kebanyakannya berasal dari Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur seperti kawasan Madiun, Ponogoro, Kudrejo, Lebumin, Demek dan Magelan. Semasa penghijrahan, imigran Jawa telah membawa sepasang 'enteng-enteng' yang bertujuan untuk menghiburkan hati sewaktu di perantauan. Lagu-lagu yang disampaikan oleh mereka pula mengandungi unsur-unsur nasihat dan

peringatan kepada pendengarnya. Lagu-lagu yang didendangkan adalah dalam bentuk selawat, gurindam, dan pantun-pantun yang memuji Allah dan Rasul sebagai tanda kesyukuran dan nasihat kepada para pendengar agar dijadikan pedoman didalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Penyanyi bagi seni muzik Cempuling pada asalnya merangkumi semua ahli kumpulan tetapi pada masa kini telah dikurangkan menjadi seorang atau dua orang penyanyi sahaja. Hal ini adalah untuk keselarasan nada dan supaya alunannya tidak bercampur-baur dengan kehadiran pelbagai nada. Lagu-lagu semestinya dimainkan dalam bahasa Jawa halus.

Pada tahun 1930, seni Cempuling mula bertapak di Klang, Selangor. Tuan Haji Kasban dipercayai sebagai pelopor utama seni muzik Cempuling di Bukit Kapar sehingga pada tahun 1960an. Pada tahun 1960, kumpulan seni muzik Cempuling yang aktif di Kampung Bukit Kapar adalah di Kawasan Lapis 7, Bukit Kapar; iaitu dibawah pimpinan Tuan Haji Kasban. Sementara itu, di kawasan Masjid Bukit Kapar pula berada di bawah pimpinan Haji Shafie Haji Sulaiman dan Haji Jaafar pula memimpin permainan Cempuling di kawasan Paya Barat Bukit Kapar.



Gambar 2: Kumpulan Seni Cempuling

Gambar ihsan : <http://khairulannuarzainuddin.blogspot.my/2010/11/bengkel-mengenali-zeni-muzik-cempuling.html>

Pada tahun 1970, kumpulan seni muzik Cempuling di Bukit Kapar hampir pupus disebabkan oleh kebanyakan ahlinya berpindah ke daerah dan negeri lain untuk mencari pengalaman pekerjaan. Satu inisiatif telah dilaksanakan

oleh ahli asal seni muzik Cempuling dengan menubuhkan kumpulan seni muzik Cempuling baru di daerah masing-masing seperti Kampung Sungai Kelambu, Sungai Lang, dan Kanchung di daerah Sungai Langat. Pada tahun 1985, Kumpulan Seni Cempuling Era Baru di bawah pimpinan Encik Mustakim Abdullah mula bergiatan aktif ke arah pemodenan dari segi persembahan, pakaian, senikata lagu yang telah di ubah menjadi bahasa Melayu tanpa membuang unsur-unsur tradisional yang terdapat dalam irama lagu tersebut.

Menurut Encik Mustakim; pelopor seni Cempuling di Bukit Kapar; beliau mula tertarik untuk mempelajari permainan seni Cempuling setelah mencuba beberapa jenis muzik tradisional yang terdapat di kampungnya seperti ghazal, joget lambak dan lain-lain. Beliau akhirnya memilih untuk bermain Cempuling kerana mendapati seni Cempuling ini banyak memberi manfaat kepada masyarakat melalui dendangan lagu-lagunya. Selepas mempelajari secara asas seni muzik Cempuling daripada datuknya, beliau terus menuntut ilmu Cempuling daripada Tuan Haji Kasban. Beliau telah mempelajari cara-cara untuk mengendalikan ‘enteng-enteng’ dengan sempurna.

Enteng-enteng adalah nadi utama kepada permainan seni Cempuling ini. Oleh yang demikian, seseorang yang ingin mahir bermain seni Cempuling ini seharusnya mahir bermain dengan alatan muzik ‘enteng-enteng’. Kemudian beliau menimba ilmu Cempuling ini dengan berguru dengan Tuan Haji Shafie bin Haji Sulaiman. Encik Mustakim mula bergiatan aktif dan seterusnya mengembangkan kesenian Cempuling ini di Kampung Bukit Kapar.

Pada tahun 1990 sehingga pada masa kini, Kumpulan Seni Cempuling Era Baru Bukit Kapar telah menjadi satu kumpulan yang sangat aktif mempersembahkan seni muzik Cempuling di seluruh negara. Pada masa yang sama, kumpulan tersebut juga pernah membuat persembahan di luar negara seperti di Medan, Indonesia sewaktu majlis pertukaran kebudayaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Selain itu, kumpulan tersebut juga pernah mewakili Selangor sempena Pesta Gendang Nusantara kali kedua di Melaka pada tahun 1997 dan melakukan persembahan sempena Seminar Kebangsaan Teater Rakyat di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1996. Pada masa kini, terdapat lebih daripada 20 buah kumpulan

seni muzik Cempuling di sekitar Selangor. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan petanda baik untuk mengekalkan kesenian Cempuling ini disamping menghadapi zaman berteknologi yang mempunyai pelbagai cabaran yang mendatang tanpa henti.

Peranan Cempuling Kepada Masyarakat Kini.

Kajian telah mendapati bahawa permainan seni muzik Cempuling pada masa kini kurang mendapat tempat dikalangan masyarakat Malaysia secara amnya dan juga masyarakat Jawa, khususnya. Hal ini mungkin terjadi kerana tiada pendedahan yang luas diberikan oleh generasi tua kepada generasi muda pada masa kini. Ramai berpendapat bahawa Cempuling ini tidaklah sehebat permainan ghazal, boria, menora, chaklengpong dan juga muzik kebudayaan lain yang terdapat di Malaysia. Jika diketengahkan muzik Cempuling ini, ianya mempunyai banyak manfaatnya dan lebih baik. Selain daripada mencerminkan alatan muzik Islam yang tidak menggunakan tiupan dan tali, ia juga mempersemparkan lagu-lagu yang sentiasa mengingatkan pendengar kepada kebesaran Allah SWT disamping terdapat unsur-unsur nasihat-menashihat dan kisah-kisah nabi yang boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat.

Contoh lagu yang menggambarkan nasihat kepada semua masyarakat adalah seperti berikut: (di dalam bahasa Jawa)

Tajuk lagu : Serah

Yola serah ipon wong doroku
Gedine' sak jambi garing
Yola meripat ipon wong doroko
Ambane sak terbang mereng
Yola weteng ipon wong doroko gedine sak beduk guling
Yola sikut ipon wong doroko cilike sak tamen garing.

Maksud

Kepala anda orang derhaka
Besarnya sepinang kering
Mata anda kalau orang derhaka besarnya seterbang mereng
Perutnya sebesar geduk guling
Sikunya orang derhaka sekecilnya batang padi kering.

Kajian ini mendapati bahawa tidak ada sumber-sumber bertulis daripada mana-mana pihak untuk mengetengahkan atau mempopularkan muzik Cempuling ini. Daripada kajian juga mendapati bahawa Perpustakaan Awam Negeri Selangor juga tidak mempunyai sebarang rujukan berkaitan seni muzik Cempuling. Paling memerlukatkan juga adalah Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam, Selangor juga tidak mempunyai bahan pameran mahupun butiran mengenai seni ini. Pihak Kebudayaan Negeri Selangor dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia seharusnya mengambil inisiatif untuk mengembangkan dan memajukan muzik etnik seperti ini. Seni muzik Cempuling tidak seharusnya dipinggirkan begitu sahaja kerana ia mempunyai potensi yang tinggi untuk dimartabatkan sebagai salah satu muzik tradisional di Malaysia.

Kesedaran dan peranan masyarakat juga amat berkurangan mengenai seni muzik ini. Jika mana-mana pihak tidak menyedari tentang peranan masing-masing nescaya seni muzik Cempuling ini akan lenyap dan pupus buat selama-lamanya. Hal ini dapat dibuktikan dengan melakukan pemerhatian yang dilakukan dikalangan masyarakat Jawa sendiri. Kajian pemerhatian mendapati bahawa ada diantara masyarakat Jawa tidak mengetahui tentang kewujudan seni muzik Cempuling ini. Sesetengah masyarakat hanya mengetahui namanya sahaja tetapi tidak pernah melihat atau mendengar mengenai permainan seni muzik Cempuling ini. Terdapat juga sesetengah masyarakat Jawa yang pernah melihat persembahan seni ini tetapi tidak berminat untuk mencubanya untuk bermain dengan alat muzik Cempuling. Seni muzik ini dianggap sebagai satu hiburan biasa yang tidak memerlukan sebarang tindakan untuk mengekalkan kesenian dan keasliannya. Perkara ini seharusnya tidak terjadi dikalangan masyarakat Malaysia yang seringkali mengambil berat mengenai hal berkaitan kesenian dan kebudayaan negara sendiri.

Aspek Muzik Dalam Seni Cempuling

Gambar 3: Alat muzik Cempuling

Gambar ihsan : <https://www1.hmetro.com.my/node/101389>

a) Gendang

Gendang dimainkan dengan memukul kedua-dua belah permukaan dengan berirama. Saiznya adalah bulat dan lilitannya sebanyak 33 inci, garis pusatnya pula sebanyak $\frac{1}{2}$ inci, panjang gendang tersebut ialah 32 inci, manakala lilitan mukanya adalah sebanyak 35 inci, dan lilitan belakang bagi sesebuah gendang adalah sebanyak 27 inci. Gendang diperbuat daripada kayu ingas sebagai bahan utama, sementara kulit kambing digunakan untuk menutup bahagian pangkal dan hujung bahagian yang menghasilkan irama apabila ditepuk. Rotan sege pula digunakan sebagai tali untuk mengemasukan kulit di antara kulit dan kayu. Selain itu, dawai juga digunakan untuk menegangkan kulit bagi tujuan memberi kesimbangan kepada bunyi irama yang dihasilkan. Peranan gendang ini adalah sebagai gendang silat yang juga turut memberi ‘rengeh’ atau bunyi yang menyerikan. Ia dimainkan secara berselang-selang dan meningkah.

b) Gong

Gong merupakan sebuah rebana besar. Ukurannya bulat pada bahagian muka iaitu sebanyak 79 inci, mulut ilsh sebanyak 36 inci, dan ketebalan bagi sesebuah gong ialah $8 \frac{1}{2}$ inci. Kaedah pembuatannya, gong dibuat daripada kayu tempenis sebagai bahan utamanya sementara kulit lembu yang telah dikeringkan digunakan bagi menutupi permukaan gong tersebut. Kulit lembu tersebut perlu dipasang tegang dibahagian permukaan muka gong dengan

menggunakan paku. Pada masa yang sama, ia juga menggunakan rotan sege bulat untuk memberi keseimbangan pada bunyi. Gong bertindak sebagai ‘bass’ gitar iaitu bunyinya hanya dimainkan pada masa tertentu sahaja. Gong ini juga penting bagi menandakan sesuatu frasa ataupun bar-bar yang terdapat dalam lagu-lagu yang dimainkan dalam seni Cempuling ini.

c) Kempol

Kempol adalah seperti kompong tetapi bentuk bahagian tepinya agak bulat. Ukuran bagi sebuah kempol ialah bulatan pada bahagian permukaan sebanyak $55 \frac{1}{2}$ inci, bulatan pada bahagian belakang yang dikenali sebagai ‘mulut’ pula mempunyai ukuran sebanyak 36 inci dan ketebalan bagi sesebuah kempol adalah sebanyak $8 \frac{1}{2}$ inci. Bagi menyiapkan sebuah kempol, ia mempunyai kaedah pembuatan yang sangat rumit. Ia diperbuat daripada kayu tempenis manakala bahagian muka kempol tersebut diperbuat daripada kulit lembu. Rotan sege pula digunakan sebagai penyedak.

d) Kempreng

Kempreng mempunyai bentuk yang sama seperti kempol mahupun kompong. Ukuran bagi sesebuah kempreng adalah sebanyak 52 inci pada bahagian bulat di permukaannya, ukuran mulut pada kempreng adalah sebanyak 35 inci dan ia mempunyai ketebalan sebanyak 6 inci. Sesebuah kempreng diperbuat daripada kayu tempenis sebagai bahan utama. Pada bahagian permukaan pula diperbuat daripada kulit kambing dan rotan sege turut digunakan sebagai penyedak dan fungsi utamanya adalah untuk memberi keseimbangan pada bunyi irama ketika alat muzik ini dimainkan.

e) Enteng-enteng

Ia memainkan peranan utama dan penting dalam menentukan tempo sesebuah lagu. Enteng-enteng ini juga sebagai metronome dalam menentukan kelajuan sesebuah lagu dalam muzik moden. Selain itu, ia turut dimainkan secara bersilang-silang dan meningkah diantara enteng-enteng satu dan enteng-enteng dua. Sesebuah enteng-enteng mempunyai lilitan bulatannya sebanyak $17 \frac{1}{2}$ inci, manakala garis

pusatnya adalah sebanyak 4 inci, panjang bagi sebuah enteng-enteng adalah 13 inci dan bulatan pada lilitan penghujung dan pangkal adalah sebanyak 14 inci. Enteng-enteng diperbuat daripada kayu nangka. Kulit kambing yang telah dikeringkan juga digunakan pada bahagian depan dan belakang enteng-enteng ini. Rotan sege sekali lagi digunakan sebagai pengemas kulit diantara kulit dan kayu.

Pembawaan Muzik Cempuling

a) Masa

Penyanyi mahupun tukang karut dalam seni muzik Cempuling pada asalnya adalah semua ahli yang terlibat dalam persembahan. Tetapi pada masa kini, bagi menyelaraskan nada dan nyanyian tukang karut hanya terdiri daripada seorang mahupun dua orang yang tidak memainkan sebarang alatan muzik. Kajian mendapati bahawa pada zaman dahulu Cempuling ini biasanya dimainkan sehari atau pun selama dua hari berturut-turut untuk menghabiskan empat babak yang mengandungi babak-babak sampingan. Pada masa kini, ianya dimainkan untuk meraikan sesuatu majlis sahaja dan masa yang diperuntukkan bagi sesebuah lagu dianggarkan dalam dua hingga ke tiga jam sahaja. Berlainan pula dengan majlis rasmi masa yang diperuntukkan selalunya dimainkan hanya selama 15 hingga ke 30 minit sahaja.

b) Vokal

Vokal merupakan nadi utama kepada irama seni muzik Cempuling ini. Tanpa vocal, nasihat dan dakwah tidak dapat disampaikan dengan baik dan vokal juga merupakan daya tarikan kepada semua pendengarnya untuk terus mengikuti dan fokus pada persembahan Cempuling ini. Tukang karut ataupun penyanyinya akan menyampaikan nyanyian dalam bentuk pantun, gurindam, selawat mahupun bercerita. Pada masa kini, irama nyanyian telah dimodenkan dengan dikategorikan lagu-lagu kepada beberapa jenis:

i. **Lagu-lagu Jawa tradisional:**

Contoh lagu-lagunya adalah seperti Sun Elengo, Siro Ipon, Widodari Cempuling, Sungeh Ono dan lain-lain lagi.

ii. Lagu-lagu untuk orang dewasa:

Contoh lagunya adalah Pupor Ruyong Nyaii Pandan Sari, Mayang Seni Cempuling dan lain-lain lagi.

iii. Lagu-lagu untuk para remaja:

Contoh lagu-lagunya ialah seperti Pedoman Hidup, Jauhilah Dadah, Doa Untuk Ibu dan lain-lain lagi.

iv. Lagu-lagu semasa:

Contoh tajuk lagunya ialah seperti Budaya, Selamat Pengantin Baru, dan sebagainya. Persembahan nyanyian dilakukan secara bergilir-gilir antara penyanyi pertama dan penyanyi kedua.

Dalam vokal ini terdapat dua perkata utama iaitu:

- i. Permulaan lagu.
- ii. Kaedah mengalunkan lagu. Corak dan gaya vokal ditentukan oleh cara penyampaian seseorang penyanyi tersebut.

Beberapa perkara harus dititikberatkan dalam menghasilkan penyampaian yang berkesan iaitu:

Kualiti suara seseorang penyanyi.

- i. Teknik pembawaan lagu dengan gaya tersendiri.
- ii. Kebolehan mengarang pantun.

Mempunyai kebolehan untuk bermain alatan muzik, latihan, bakat, mempunyai pendengaran yang baik, berpengetahuan luas, dan juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang seni Cempuling ini.

c) Irama

Irama-irama yang disampaikan biasanya adalah mengikut irama yang dimainkan dalam lagu-lagu Jawa halus. Hal ini merupakan faktor utama generasi muda pada masa kini kurang berminat untuk mempelajari seni Cempuling ini. Menurut Encik Mustakim bin Abdullah, beliau telah mempelbagaikan lagu dan iramanya mengikut

irama lagu seperti lagu pop, dangdut, irama tradisional dan pelbagai lagi irama lagu yang semakin terkenal pada masa kini. Usaha yang telah dilakukan berjaya menarik minat para generasi pada masa kini menikmati muzik Cempuling dan berjaya membuktikan bahawa irama Cempuling ini dapat dimodenkan tanpa menokok tambah alat muzik tradisional dan masih mengekalkan nilai tradisional yang terdapat dalam seni muzik Cempuling.

d) Lirik

Lagu dalam seni muzik Cempuling ini mempunyai lirik dalam bahasa Jawa yang masih mengikut kaedah hafalan daripada generasi ke generasi dan tidak mempunyai maksud yang tertentu. Di samping itu, para penyanyi juga diajar untuk mengikut lenggok alunan suara tersendiri iaitu bergantung kepada cara pembawaan seseorang penyanyi itu sendiri. Boleh dikatakan bahawa kesemua lirik yang dimainkan dalam seni Cempuling ini mempunyai persamaan seperti syair, gurindam mahupun cerita-cerita dalam sesebuah lagu. Walau bagaimanapun, dalam penyampaian lagu-lagu tersebut, ia tidak mempunyai pembayang maksud mahupun penutup seperti kebiasaan yang terdapat dalam pantun-pantun Melayu. Dalam seni Cempuling ini, cerita yang terdapat dalam lagu-lagu akan berterusan daripada babak pertama sehingga ke akhir cerita yang ingin disampaikan.

Contoh lirik lagu tradisional:

'Sirah'

Yola sirah ipon wong duroko gedine
Allah huma solie Muhammad
Yola meripat ipon wong duroko ambene
Allah huma
Yola wanten ipon wong durhko degina sak bedok goleng Allah huma
Yola suku nipon wong durhako cilike sak damen gareng Allah huma
Yola dino menu
Pikir
Nyambut gawe
Ale kerso yo awake
Yola ara meker sak dinane sal wengine den sudo yo umur iro izarail yo jabut

Ya nyawane Allah huma
He sorak sorak jagoso mangun sarake
Wong sorak sorak he Allah he
Go so mangun sorake
Wong perang sabillah he Allah he
So mangur sorake wong
Moco selawate he Allah he

Kisah-kisah di sebalik lagu:

Contoh lagu seperti diatas mempunyai konsep nasihat yang mendalam. Senda gurau juga terdapat didalam lirik lagu untuk menarik minat para pendengar disamping iramanya yang boleh dipelbagaikan sama ada dengan meniru mahupun menyerupai manama irama yang sering dimainkan dalam lagu-lagu moden pada zaman sekarang. Rangkap-rangkap lagu yang terdapat dalam lagu seni muzik Cempuling ini boleh dinyanyikan secara solo, berduet mahupun bersahut-sahutan beramai-ramai mengikut majlis yang diadakan. Irama muzik Cempuling dapat disesuaikan mengikut majlis atau keraian yang diadakan. Lagu asal Cempuling ini mempunyai empat babak ataupun bahagian iaitu:

- a) Kisah para nabi dan para rasul serta hukum hakam tuhan. Dalam pembuka kisah tersebut turut diselitkan selawat dan puji-pujian kepada Allah, kemudian diperkenalkan pula hukum-hukum Allah terhadap sesuatu perbuatan berdasarkan cerita yang akan diceritakan selepas bahagian pertama.
- b) Gambaran tingkah laku seseorang sama ada baik ataupun tidak baik untuk dijadikan teladan. Gambaran ini adalah berkaitan dengan hukum-hakam Allah yang diceritakan dalam bahagian sebelumnya.
- c) Gambaran balasan kepada tindakan seseorang serta nasihat kepada para pendengar.

- d) Setiap babak mempunyai maksud dan jalan ceritanya yang tersendiri. Hal ini memberi makna bahawa, setiap bahagian babak boleh berdiri dengan sendiri tanpa perlu bergantung antara satu babak dengan satu babak yang lain.

Semua ahli kumpulan seni muzik Cempuling harus menghafal irama dan lirik sesuatu lagu sebelum ianya dipersembahkan supaya persembahan yang diadakan berjalan dengan lancar, teratur dan dapat mengimbangi persembahan sekiranya terdapat sebarang kesalahan yang tidak disengajakan yang dilakukan oleh ahli kumpulan.

Kesimpulan

Sebagai salah satu muzik kesenian negara, seni Cempuling tidak seharusnya dilupakan dan diabaikan oleh masyarakat pada masa kini. Seni muzik Cempuling merupakan khazanah negara yang tidak ternilai sebagai warisan kebudayaan dan kesenian negara. Tanpa sedar, seni Cempuling ini telah berjaya mengharumkan nama negara dipersada dunia dengan cara keunikannya yang tersendiri. Selain itu, usaha salah seorang pengurus persatuan seni Cempuling Warisan Era Baru ini yang telah mengetengahkan kumpulan tersebut menjadi salah sebuah persatuan di bawah Kebudayaan Negeri Selangor turut dibanggakan. Pada zaman era globalisasi ini, kaedah seni Cempuling ini semakin dimodenkan mengikut peredaran masa dan disesuaikan mengikut para pendengarnya yang berbilang kaum. Oleh yang demikian, seharusnya masyarakat tidak terus melupakan keunikan seni ini yang merupakan warisan negara kita.

Bibliografi

(Abas Shuhadi, temubual personal, 2016).

Ahmad Zaki Hj Abd Latiff (2010). *Hikmah berdakwah: Suatu penelitian terhadap pendekatan dakwah Wali Songo*. Diakses pada 12 Ogos 2016 di http://www.academia.edu/1801696/Hikmah_Berdakwah_Suatu_Penelitian_Terhadap_Pendekatan_Dakwah_Wali_Songo

Fuad Hadinata Yaacob (2015). *Cempuling cipta rekod [METROTV]*. Diakses pada 21 Julai 2016 di <http://www.hmetro.com.my/node/101389>

Khairul Anuar Zainuddin (2010). *Bengkel mengenali Seni Muzik Cempuling warisan Negeri Selangor*. Diakses pada 24 Julai 2016 di <http://khairulannuarzainuddin.blogspot.my/2010/11/bengkel-mengenali-seni-muzik-cempuling.html>

Kumpulan Seni Cempolung Warisan Era Baru (2005). *Sejarah ringkas perkembangan Seni Cempolung di Bukit Kapar*. Diakses pada 21 Julai 2016 di <http://kumpulansenicempolungwarisanerabaru.blogspot.my/>

Maziyyah Ibrahim & Hazrina Khairuddin (2016). *Dokumentasi Sejarah Lisan: Menjejaki warisan Cempuling negara*. Selangor: Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.